

كلب راديو اماتور نكري سمبيلن

**KELAB RADIO AMATOR NEGERI SEMBILAN**  
**NEGERI SEMBILAN AMATEUR RADIO CLUB**

(ROS 1462-03-9)



**NEGERI SEMBILAN**  
**AMATEUR RADIO CLUB**

**MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN KALI KE-8 NESRAC**  
*8<sup>th</sup> BIENNIAL GENERAL MEETING OF NESRAC (BGM-8)*

19 JANUARI 2017 (SABTU)

10.00 PAGI

RESTORAN TERATAI, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

| BIL | BUTIR-BUTIR MESYUARAT   | TINDAKAN  |
|-----|---|---|
| 1   | Majlis dimulai dengan bacaan doa oleh En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY).  | Makluman  |
| 2   | <p><b>KATA-KATA ALUAN PRESIDEN</b></p> <p>Presiden YBhg. Dato Helmi bin Jaafar (9W2GHJ) mengucapkan selamat datang kepada semua ahli-ahli Kelab Radio Amator Negeri Sembilan (NESRAC) ke Mesyuarat Agung DWI Tahunan NESRAC Kali ke 7</p> <p>Presiden merakamkan terima kasih kepada En. Md Nasaruddin bin Mazlan (9W2NSM) selaku salah seorang daripada pengasas kelab. Mereka inilah yang telah memulakan semuanya 10 tahun lalu dengan membuat pendaftaran dan menandatangani undang-undang tubuh kelab.</p> <p>Majoriti daripada ahli-jawatankuasa yang ada sekarang bukan dari ahli-jawatankuasa yang dipilih. Dan ramai yang dipilih meletak jawatan atas sebab-sebab peribadi. Jawatankuasa telah melantik ahli lain sebagai pengganti seperti yang termaktub dibawah Fasal 9(8).</p> <p>Ketika mengambil alih pengurusab kelab, Presiden melihat kelab tiada sebarang asset, duit mahupun rumah. Presiden juga melihat terdapat perpecahan dalam kelab kerana ada berpuak-puak.</p> <p>Presiden memaklumkan beliau sentiasa bersifat "neutral" dan tidak akan mengendahkan apa yang orang lain kata.</p> <p>Banyak perbelanjaan berkaitan kelab dikeluarkan dengan belanja sendiri oleh Presiden dan Bendahari, En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD).</p> <p>Presiden juga meminta ahli-ahli menegurnya sekiranya beliau ada membuat kesilapan dalam menguruskan kelab.</p> <p>Presiden juga merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan Semenyih (V66) atas sokongan mereka kepada kelab. Sekiranya ada apa-apa acara, Presiden berharap rakan-rakan terutama ahli kelab dapat hadir dan beri sokongan. Kelab akan cuba bantu sebaik yang mungkin. Ahli-ahli juga digalakkan ke HR Resort, Rembau untuk menganjurkan aktiviti.</p> <p>Presiden seterusnya memperkenalkan beberapa ahli baru antaranya En. Idris bin Ramli (9W2IRQ) dan En. Che Shariff bin Othman (9W2SRF).</p> <p>Presiden sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan kepada semua ahli atas sokongan yang diberikan kepada beliau dan semua ahli-jawatankuasa kelab.</p> | Makluman  |
| 3   | <p><b><u>PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KALI KE 6</u></b></p> <p>En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC) selaku Setiausaha kelab membentangkan minit mesyuarat untuk disahkan.</p>  | <p><b>Di Sahkan Oleh:</b><br/>En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)</p> <p><b>Di Sokong Oleh:</b><br/>En. Nazari bin Abdul Wahab (9W2NBW)</p>   |
| 4   | <p><b><u>PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI 2013-2014</u></b></p> <p>En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC) selaku Setiausaha kelab membentangkan minit mesyuarat untuk disahkan.</p>  | <p><b>Di Sahkan Oleh:</b><br/>En. Nazari bin Abdul Wahab (9W2NBW)</p> <p><b>Di Sokong Oleh:</b><br/>En. Mustafiq Noh bin Zakaria (9W2SNB)</p> |
| 5   | <p><b><u>PEMBENTANGAN LAPORAN KEWANGAN 2011-2012</u></b></p> <p>Bendahari, En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD) membentangkan Laporan Kewangan kelab bagi tahun 2013-2014.</p>   |   |

|   |   |  |
|---|---|--|
|   | <p>Set laporan diedarkan keliling kerana terdapat masalah komunikasi antara beliau dan Setiausaha untuk mencetak laporan kewangan.</p> <p>Beliau memaklumkan ketika mengambil-alih jawatan, kewangan kelab hanya ada RM360.00. Pada 31 Disember 2013, kewangan kelab berjumlah RM3,103.22 dan pada 31 Disember 2014, kewangan kelab berjumlah RM4,109.48.</p> <p>Bermula serta-merta, keahlian kelab hendaklah dibuat secara terus dengan menandatangani yuran terus ke akaun rasmi kelab dan email butiran dan bukti pembayaran terus kepada kelab.</p> <p>Resit rasmi akan dikeluarkan setelah Bendahari mengesahkan pembayaran berdasarkan penyata bank.</p> <p>Bendahari memaklumkan juga sekiranya ada ahli yang ingin salinan laporan kewangan boleh menghantar email kepada beliau.</p> <p>Bendahari juga memaklumkan bahawa akaun kelab diaudit menggunakan juruaudit luar yang bertauliah dan dari syarikat yang sama menjalankan audit di atas syarikat beliau. Ini kerana juruaudit dalaman yang dilantik tidak dapat dihubungi untuk mengaudit laporan kewangan kelab.</p> <p>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) mencadangkan supaya dilantik pengganti auditor. Beliau juga menegur tidak sepatutnya berlaku sebarang salah faham dalam menyediakan laporan kewangan. Bendahari dan Setiausaha memohon maaf atas kesilapan tersebut.</p> <p>En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY) bertanya tentang keahlian ahli-jawatankuasa yang telah luput tetapi masih memegang jawatan dalam kelab. Bendahari mengesahkan terdapat beberapa ahli-jawatankuasa yang keahlian mereka telah luput. Namun disebabkan kekurangan ahli-jawatankuasa, mereka ini dikekalkan dan dibenarkan menjalankan tugas.</p> <p>Presiden memaklumkan bahawa beliau hanya ada keahlian kelab dan tidak menjadi ahli kepada kelab-kelab radio yang lain. Ini bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan</p> <p>Bendahari meminta Laporan Kewangan disahkan setelah mendengar penjelasan yang penuh berkenaan dengan perkara-perkara yang berbangkit.</p> | <p><b>***Semua Ahli Sebulat Suara Menerima Penjelasan dari Bendahari ***</b></p> <p><b>Di Sahkan Oleh:</b><br/>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM)</p> <p><b>Di Sokong Oleh:</b><br/>En. Nazari bin Abdul Wahab (9W2NBW)</p> |
| 6 | <p><b><u>PEMBUBARAN AJK NESRAC 2013-2014 DAN PERLANTIKAN PENERUSI SEMENTARA</u></b></p> <p>Presiden Kelab Radio Amator Negeri Sembilan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli atas kerjasama yang telah diberikan kepada barisan jawatankuasa kelab sesi 2013-2014.</p> <p>Presiden dengan rasminya membubarkan AJK 2013-2014 dan seterusnya meminta ahli-ahli melantik seorang Pengerusi Sementara.</p> <p>Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) selaku Pengerusi sementara dan dibantu oleh En. Saad bin Mat (9W2TS) dan En. Md Nasaruddin bin Mazlan (9W2NSM) serta melantik En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC) selaku pencatat minit.</p> <p>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) mengingatkan para ahli supaya memilih mereka yang komited dalam menaikkan nama kelab. Bukan kerana nama atau untuk kepentingan diri sendiri.</p> <p>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) mencadangkan supaya ahli-jawatankuasa sesi terdahulu dikekalkan. Namun dibantah oleh Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ) kerana ada ahli-jawatankuasa lama yang tidak hadir.</p>  |  |

### Presiden

Calon : Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ)  
Cadang : En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)  
Sokong : En. Nazari bin Abdul Wahab (9W2NBW)

Calon : En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM)  
Cadang : Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ)  
Sokong : Che Shariff bin Othman (9W2SRF)

Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ) dipilih semula sebagai Presiden dengan undi majoriti.

### Timbalan Presiden

Calon : En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ)  
Cadang : En. Idris bin Ramli (9W2IRQ)  
Sokong : En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD)

Calon : En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC)  
Cadang : En. Samaruddin bin Saidin (9W2VRO)  
Sokong : En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)

Calon : En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM)  
Cadang : En. Razali bin Abdul Rashid (9W2JKO)  
Sokong : En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY)

En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ) dilantik menjadi Naib Presiden dengan mendapat 21 undian manakala En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC) mendapat 4 undi dan En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) mendapat 7 undi.

### Setiausaha

Calon : En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC)  
Cadang : En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY)  
Sokong : En. Norisam bin Karim (9W2CGU)

Calon : En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY)  
Cadang : En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)  
Sokong : En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ)

En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC) dilantik semula selaku Setiausaha kelab dengan undi majoriti. Ahli mesyuarat juga sebulat suara melantik En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY) selaku Penolong Setiausaha.

### Bendahari

Calon : En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD)  
Cadang : Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ)  
Sokong : En. Mustafiq Noh bin Zakaria (9W2SNB)

En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD) dipilih sebulat suara setelah En. Rus Rizal bin Abd Ghani mencadangkan cadangan ditutup dan disokong oleh En. Ahmad Kamal Azizi bin Jamaludin (9W2EZR). Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju.

En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) selaku Pengerusi sementara mencadangkan supaya ahli-jawatankuasa lain dilantik terus oleh barisan kepimpinan yang telah dilantik.

|   |   |   |
|---|---|---|
|   | <p>Mengikut perlembagaan kelab, ahli-jawatankuasa perlu dilantik secara mengundi dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan (mengikut Fasal 9(3)). Walaubagaimanapun, En. Md Nasaruddin bin Mazlan (9W2NSM) memaklumkan bahawa ahli mesyuarat boleh mengeluarkan usul dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan untuk membenarkan barisan kepimpinan melantik ahli-jawatankuasa.</p> <p>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) memaklumkan ahli-jawatankuasa baru boleh dilantik dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan. Beliau juga mengingatkan ahli sekiranya terdapat sebarang ketidakpuasan hati, berjumpa atau menulis terus kepada Setiausaha. Bukan dengan memburuk-burukkan dalam media sosial seperti Facebook atau WhatsApp. Beliau juga mengingatkan dalam berpersatuan, janganlah sampai mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana memberi kepercayaan kepada beliau selaku Pengerusi Sementara.</p> <p>En. Saad bin Mat (9W2TS) juga mengucapkan terima kasih dan bersyukur kerana sesi pemilihan berjalan dengan lancar dan tanpa sebarang insiden. Beliau mendoakan semoga kelab terus maju.</p> <p>En. Md Nasaruddin bin Mazlan (9W2NSM) juga mengucapkan terima kasih atas kepercayaan mengendalikan sesi pemilihan. Beliau mendoakan semoga kelab juga terus sukses dan berharap supaya ahli dapat saling faham-memahami. Beliau juga mahu ahli mengeluarkan idea-idea yang inovatif serta lain dari yang lain serta mengharapkan komitmen yang mantap dari semua ahli. Menurut beliau, kelab merupakan kelab kedua ditubuhkan selepas MARES. Beliau juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ) kerana sudi menjadi Presiden kelab. Beliau juga memaklumkan bahawa banyak aktiviti kelab adalah dari duit poket Presiden sendiri dan tidak langsung menggunakan duit kelab. Dan yang terakhir, beliau menyeru semua ahli untuk memastikan kembali pancarulang 9M4RNS.</p> |   |
| 7 | <p><b><u>USUL-USUL</u></b></p> <p>Presiden, Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ) mengucapkan terima kasih kepada semua atas kepercayaan yang diberi untuk terus menerajui kelab bagi tempoh 2-tahun lagi. Beliau juga mengalu-alukan En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ) selaku Naib Presiden kelab yang baru.</p> <p>En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) seterusnya membuat usul untuk meminda Fasal 9(1) bagi menyerahkan perlantikan ahli-jawatankuasa yang lain terus kepada Jawatankuaa Eksekutif kelab dan bukan melalui undian. En. Idris bin Ramli (9W2IRQ) juga mencadangkan supaya 9 orang ahli jawatankuasa dikesilkan kepada 7 orang iaitu 3 Pengurus biro dan 4 ahli-jawatankuasa biasa. Cadangan ini disokong oleh En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM).</p> <p>En. Nazari bin Abdul Wahab (9W2NBW) mengusulkan Fasal 13(1) iaitu Pengamanah ditukar dari 3 orang kepada 2 orang sahaja. Cadangan ini disokong oleh En. Norisam bin Karim (9W2CGU).</p> <p>Setiausaha juga mengusulkan keahlian kelab berkaitan Fasal 5 Keahlian dipinda dengan membuka keahlian kepada semua warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, pemegang-pemegang jawatan mestilah yang bermastautin di Negeri Sembilan.</p> <p><b><u>LANTIKAN AHLI JAWATANKUASA</u></b></p> <p>Presiden seterusnya membuka kepada semua ahli mesyuarat menawarkan diri secara sukarela sebagai ahli-jawatankuasa kelab. Namun tiada yang menawarkan diri. Oleh yang demikian, beliau meminta ahli mencadangkan nama-nama yang sesuai untuk mengisi kekosongan dalam ahli-jawatankuasa. Berikut adalah nama-nama ahli-jawatankuasa yang telah dicadangkan.</p>   | <p><b>Sokongan:</b><br/>Sebulat Suara<br/><b>Tindakan:</b><br/>Setiausaha</p> <p><b>Sokongan:</b><br/>Sebulat Suara<br/><b>Tindakan:</b><br/>Setiausaha</p> <p><b>Sokongan:</b><br/>Sebulat Suara<br/><b>Tindakan:</b><br/>Setiausaha</p> |

#### Ahli Jawatankuasa

1. En. Ahmad Kamal Azizi bin Jamaludin (9W2EZR)
2. En. Saparul Kamar bin Othman (9W2NIE)
3. En. Amir Izuan bin Bahkeri (9W2ZEW)
4. En. Rus Rizal bin Abdul Ghani (9W2KNZ)
5. En. Samaruddin bin Saidin (9W2VRO)
6. En. Norisam bin Karim (9W2CGU)
7. En. Rusmaini bin Mohamed Rusli (9W2VTA)

#### Pemeriksa Kira-Kira

1. En. Idris bin Ramli (9W2IRQ)
2. En. Saad bin Mat (9W2TS)

#### Pemegang Amanah

1. En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)
2. Pn. Siti Noor Baya binti Suleiman (9W2EZJ)

Presiden memohon kepastian dari penama yang dilantik dan semua ahli mesyuarat samada bersetuju dengan cadangan lantikan tersebut. Presiden juga mencadangkan En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM) dilantik sebagai Penolong Bendahari. Presiden juga mengumumkan En. Ahmad Kamal Azizi bin Jamaludin (9W2EZR) dilantik sebagai Pengurus Biro Repeater/Teknikal, En. Saparul Kamar bin Othman (9W2NIE) sebagai Pengurus Biro Perhubungan Awam dan En. Amir Izuan bin Bahkeri (9W2ZEW) sebagai Pengurus Biro Rekreasi. Selain itu En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY) diminta menjalankan tugas tidak rasmi sebagai Biro Kebajikan

Senarai rasmi Jawatankuasa Kelab Radio Amator Negeri Sembilan (NESRAC) Sessi 2015-2016 adalah seperti berikut.

Presiden : Dato Helmy bin Jaafar (9W2GHJ)  
Timbalan Presiden : En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ)  
Setiausaha : En. Adha Fikris bin Mokhtar (9W2LFC)  
Pen. Setiausaha : En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY)  
Bendahari : En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD)  
Pen. Bendahari : En. Mohd Yunus bin Abdul Malek (9W2XYM)  
Pengurus Biro Repeater/Teknikal : En. Ahmad Kamal Azizi bin Jamaludin (9W2EZR)  
Pengurus Biro Perhubungan Awam : En. Saparul Kamar bin Othman (9W2NIE)  
Pengurus Biro Rekreasi : En. Amir Izuan bin Bahkeri (9W2ZEW)  
Ahli Jawatankuasa : En. Rus Rizal bin Abdul Ghani (9W2KNZ)  
En. Samaruddin bin Saidin (9W2VRO)  
En. Norisam bin Karim (9W2CGU)  
En. Rusmaini bin Mohamed Rusli (9W2VTA)  
Pemeriksa Kira-Kira : En. Idris bin Ramli (9W2IRQ)  
En. Saad bin Mat (9W2TS)  
Pemegang Amanah : En. Abd Aziz Bin Abd Malek (9M2KEY)  
Pn. Siti Noor Baya binti Suleiman (9W2EZJ)

#### **HAL-HAL LAIN**

En. Md Nasaruddin bin Mazlan (9W2NSM) memaklumkan dalam perlembagaan ada klausa menjelaskan tentang ketidakhadiran mesyuarat AJK sebanyak 3kali berturut tanpa sebarang pemberitahuan. Beliau juga bertanyakan status ahli yang tidak berbayar. Beliau juga menyeru semua ahli untuk memberikan sokongan kepada semua ahli-jawatankuasa kerana barisan jawatankuasa kali ini cukup mantap.

Setiausaha menjelaskan mengikut Fasal 6(5), sekiranya yuran tertunggak lebih dari satu (1) tahun, keahlian mereka secara automatik terluat. Setiausaha seterusnya mencadangkan mana-mana keahlian yang tamat pada tahun 2013, ahli boleh

**Sokongan:**  
Sebulat Suara

|   |   |   |
|---|---|---|
|   | <p>memperbaharui keahlian mereka manakala yang telah tamat pada 31 Disember 2012, perlu mendaftar sebagai ahli baru.</p> <p>Setiausaha juga memaklumkan bahawa perlembagaan kelab akan dimuatkan ke laman web kelab untuk rujukan semua ahli. Disamping itu, borang pendaftaran keahlian serta borang kemaskini maklumat ahli akan buat untuk kemudahan semua ahli kelab.</p> <p>Presiden memaklumkan, semenjak beliau mengambil alih kelab, semua surat-menyurat yang diterima akan dihantar kepada pihak peguam untuk menjaga kepentingan kelab. Semua isu-isu termasuk perundangan juga dipantau oleh pihak peguam Presiden. Beliau menegaskan yang beliau bukan ahli politik dan adalah tanggungjawab beliau untuk menjaga nama kelab dan ahli-ahlinya. Hampir 1 ½ tahun masalah akaun bank tidak dapat diselesaikan atas keengganan pihak lain untuk memberikan kerjasama. Namun, berkat sokongan semua, masalah tersebut dapat diselesaikan.</p> <p>En. Yusri Faizal bin Ismail (9W2ESU) bertanyakan tentang ahli yang tertunggak bagi tahun 2013. Bendahari memaklumkan bahawa ahli yang telah tamat keahlian pada 2013, perlu membayar yuran yang tertunggak tahun 2013 dan 2014.</p> <p>Bendahari mencadangkan penama-penama dibawah dilantik sebagai penandatanganan cek kelab:</p> <p>Timbalan Presiden : En. Rosli bin Hasan (9M2RHQ)<br/> Pen. Setiausaha : En. Khairul Azlan bin Umar (9W2VVY)<br/> Bendahari : En. Rabindra a/l Harinchandra (9W2PD)</p> | <p><b>Sokongan:</b><br/>Sebulat Suara</p> |
| 8 | <p>Pengerusi Dato' Helmy Bin Jaafar (9W2GHJ) menangguhkan mesyuarat pada jam 5:45 petang.</p>   | <p>Mesyuarat Ditangguhkan</p>             |

**Disediakan Oleh**



.....  
(ADHA FIKRIS BIN MOKHTAR)  
**SETIAUSAHA**  
**KELAB RADIO AMATOR NEGERI SEMBILAN**  
**2013-2014**

**Disahkan Oleh**



.....  
(DATO' HELMY BIN JAAFAR)  
**PRESIDEN**  
**KELAB RADIO AMATOR NEGERI SEMBILAN**  
**2013-2014**